

TTP terima laporan tertinggi tipu pakej pelancongan

1,057 kes difailkan pengguna antara 2016 hingga 31 Mei lalu, babit tuntutan RM6.6j

Laporan Mohd Anwar Patho Rohman dan Mohd Nasaruddin Parzi bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penipuan pakej pelancongan adalah kes tertinggi yang dilaporkan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna (TTP) bagi tempoh antara 2016 sehingga 31 Mei lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata sebanyak 1,057 tempoh berkenaan membabitkan tuntutan berjumlah RM6.6 juta.

"Sebanyak RM3 juta tuntutan tebus rugi sudah dikeluarkan TTP dan syarikat yang menawarkan pakej pelancongan diarahkan membayar tuntutan terbahagi perlu diselesaikan dalam tempoh



Saifuddin Nasution sebelum masuk sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, semalam. (Foto Mohamad Shahtiril Badri Saali /BH)

14 hari dari tarikh *award* dikeluarkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Akmal Nasrullah Mohd Nasir (PH-Johor Bahru) pada waktu pertanyaan menteri (MQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Saifuddin Nasution berkata, tuntutan tebus rugi tertinggi bagi

khidmatat berkenaan. Sementara itu, beliau berkata, Kementerian mengalu-alukan bantuan dan guaman dan badan kerajaan (NGO) menawarkan bantuan guaman bagi membantu pengguna untuk mendaftar keputusan TTP di mahkamah.

Katanya, ini kerana kebanyakan pengguna berdepan kesulitan atau kekeliruan untuk mendaftar keputusan TTP di mahkamah.

"Apabila sesuatu tuntutan tebus rugi diberikan, pengguna perlu mendaftar keputusan tribunal di mahkamah, barulah keputusan itu boleh dilaksanakan.

"Di situ, kadang-kadang pengguna merasakan terbeban dan tidak faham proses, maka kita terbuka badan guaman atau NGO untuk membantu," katanya.

Kelmarin, Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019 yang bertujuan meluaskan kuasa TTP dengan menaikkan jumlah tuntutan 100 peratus, daripada RM25,000 kepada RM50,000.

TTP ialah badan adjudikasi bebas yang ditubuhkan mengikut Seksyen 65, Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) dan mula berkuat kuasa pada November 1999.